



**KEWAJIPAN • MARUAH • INTEGRITI
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

Rujukan : UPNM(P)01.03/06 (8)

Tarikh *Jb* Februari 2018

Semua Staf,
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Kem Sungai Besi,
Kuala Lumpur

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BILANGAN 1 TAHUN 2018
PERMOHONAN PERJALANAN KE LUAR NEGARA ATAS URUSAN RASMI DAN
TIDAK RASMI SECARA DALAM TALIAN DENGAN MENGGUNAKAN SISTEM
PERMOHONAN PERJALANAN KE LUAR NEGARA (E-SPPLN) DI UNIVERSITI
PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan pelaksanaan Sistem Permohonan Perjalanan Ke Luar Negara (e-SPPLN) bagi permohonan perjalanan ke luar negara atas urusan rasmi dan tidak rasmi (persendirian) di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Sebelum ini kaedah permohonan perjalanan ke luar negara atas urusan rasmi dan tidak rasmi bagi semua staf dilaksanakan secara manual iaitu dengan menggunakan Borang Permohonan Lawatan Ke Luar Negara (UPNM.PEND.HRM.006) untuk kelulusan selanjutnya.
- 2.2 Jabatan Pendaftar dengan kerjasama Pejabat Naib Canselor dan Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi telah membangunkan Sistem

Permohonan Perjalanan Ke Luar Negara (e-SPPLN) yang membolehkan semua staf Universiti Pertahanan Nasional Malaysia membuat permohonan perjalanan ke luar negara atas urusan rasmi dan tidak rasmi (persendirian) secara dalam talian (*online*).

- 2.3 Sistem ini dibangunkan bertujuan bagi memastikan urusan permohonan perjalanan ke luar negara atas urusan rasmi dan tidak rasmi dilaksanakan dengan lebih efisien serta menjimatkan masa dan kos berbanding kelulusan secara manual.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Semua permohonan perjalanan ke luar negara atas urusan rasmi dan tidak rasmi bagi semua staf perlu dilaksanakan secara dalam talian iaitu dengan menggunakan Sistem Permohonan Perjalanan Ke Luar Negara (e-SPPLN) di capaian <http://esppln.upnm.edu.my> .
- 3.2 Panduan penggunaan sistem ini bagi permohonan perjalanan ke luar negara atas urusan rasmi dan tidak rasmi (persendirian) adalah seperti di **Lampiran A** dan **Lampiran B**.

4.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling dan pelaksanaan permohonan perjalanan ke luar negara secara dalam talian ini berkuat kuasa mulai **1 Mac 2018**.

5.0 PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Jabatan Pendaftar Bilangan 1 Tahun 2018, maka permohonan perjalanan ke luar negara atas urusan rasmi dan tidak rasmi menggunakan Borang Permohonan Lawatan Ke Luar Negara (UPNM.PEND.HRM.006) adalah dibatalkan.

6.0 PEMAKAIAN

Pekeliling ini hanya terpakai di UPNM sahaja dan sekiranya staf UPNM meletak jawatan maka ianya tidak boleh dipanjangkan ke organisasi badan melantik yang baru.

“KEWAJIPAN MARUAH INTEGRITI”

Saya yang menjalankan tugas,



SARINA BINTI ABDUL RANI

Pendaftar

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

- s.k
- Naib Canselor
 - TNC Akademik dan Antarabangsa
 - TNC Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
 - TNC Penyelidikan dan Inovasi
 - PNC Jaringan Industri dan Perhubungan Korporat
 - Pegawai-Pegawai Kanan
 - Dekan-Dekan Fakulti
 - Pengerusi NADIMASA
 - Pengerusi PERINTIS
 - Pengerusi KESUPNA
-